

MRT Corp nafi pinggir anggota DPMM

Mass Rapid Transit Corporation (MRT Corp) menafikan tuduhan bahawa ia meminggirkan anggota Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) dalam menganugerahkan kontrak kepada kontraktor Bumiputera.

Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Azhar Hamid, berkata peranan kontraktor Bumiputera dalam projek Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) sangat penting.

“Amat tidak benar MRT Corp meminggirkan kontraktor Bumiputera kerana setengah pakej eksklusif hanya kepada syarikat Bumiputera dan sebahagian syarikat Bumiputera turut memperoleh kontrak dalam kategori terbuka.

“
*Selain itu,
semua pakej
adalah
terbuka bagi
pembidaan
kompetitif, jadi
tidak timbul
langsung isu
dipinggirkan”*

Azhar Hamid,
Ketua Pegawai
Eksekutif MRT Corp

dan satu pakej stesen bertingkat.

“Ini merangkumi sejumlah 47 peratus daripada pakej yang diberikan setakat ini, yang mana lebih tinggi berbanding sasaran 43 peratus.

“Selain itu, ada 17 pakej lagi yang akan diperuntukkan kepada syarikat Bumiputera, bernilai RM1.7 bilion. Ini akan meningkatkan jumlah nilai projek yang diberikan kepada Bumiputera kepada RM9.3 bilion,” katanya.

“Selain itu, semua pakej adalah terbuka bagi pembidaan kompetitif, jadi tidak timbul langsung isu dipinggirkan,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Lebih 17 pakej bernilai RM7.6 bilion telah diberikan kepada syarikat Bumiputera sehingga akhir Julai.

Beliau berkata, ini termasuk 10 pakej bagi sebelum pembinaan (kerja-kerja awal), tiga bagi pakej laluan bertingkat